

22 MAY 1998

Samy-Air

MAJLIS AIR NEGARA BERMESYUARAT BULAN DEPAN

JITRA, 22 Mei (Bernama) -- Majlis Air Negara (MAN) dijangka mengadakan mesyuarat sulungnya pada minggu pertama atau minggu kedua bulan depan yang akan dihadiri semua ketua kerajaan negeri, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, hari ini.

Beliau berkata mesyuarat itu turut disertai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi majlis itu dan akan membincangkan enam perkara berhubung penubuhannya.

"Antaranya pertemuan itu adalah untuk memberi penerangan kepada Menteri Besar dan Ketua Menteri mengenai objektif MAN, peranan MAN mengatasi masalah air di masa depan dan menerangkan mengenai punca-punca air," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis penyampaian diploma dan sijil kepada graduan Institut Teknologi Silikon Cawangan Jitra, di sini.

Kabinet meluluskan penubuhan MAN pada 29 April lepas yang bertindak bagi merancang dan mengatur dengan kerajaan-kerajaan negeri mengenai punca air di negara ini.

Samy Vellu berkata MAN merupakan langkah jangka panjang kerajaan bagi mengatasi krisis air dengan mewujudkan kerjasama antara negeri dalam menyalurkan air kepada negeri yang mengalami kekurangan air.

"Kerajaan tidak mahu masalah air yang dihadapi sekarang berlaku lagi pada masa depan," katanya.

Beliau berkata bahawa MAN tidak akan mengambil hak pengurusan air dari mana-mana negeri tetapi majlis itu menolong negeri yang kekurangan air mendapatkan bekalan air dari negeri yang mempunyai lebih sumber air.

"Malahan negeri yang mendapat bekalan air itu perlu membayar kepada negeri yang membekalkannya," katanya.

Seramai 40 graduan dalam bidang teknologi, kejuruteraan dan komputer menerima sijil dan diploma masing-masing pada majlis itu.

-- BERNAMA

MZM AKD